

|        |          |           |        |
|--------|----------|-----------|--------|
| TARIKH | 05/12/15 | MUKASURAT | 17     |
| HARI   | SABTU    | RUANGAN   | BISNES |



LOJI Janakuasa Jimah East Power di Port Dickson. - GAMBAR HIASAN

## TNB terbit bon Islam RM8.98 bilion

**KUALA LUMPUR 4 Dis.** - Tenaga Nasional Bhd. (TNB) melengkapkan terbitan Sukuk Murabahah bernilai RM8.98 bilion menerusi subsidiarinya, Jimah East Power Sdn. Bhd. (JEP).

TNB berkata, jualan sukuk RM8.98 bilion akan meningkatkan prestasi kewangan kepada 42 peratus daripada 34 peratus berdasarkan imbalan tunai syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2015.

Katanya, hasil sukuk itu akan membiayai pembinaan dan operasi loji janakuasa arang batu 2,000 megawatt (MW) di Kuala Lukut, Negeri Sembilan.

"Ia meliputi pembayaran

penaja atau pemegang saham berdasarkan bukti dokumen untuk semua kos projek yang dilakukan sebelum terbitan Sukuk Murabahah seperti dinyatakan dalam model kewangan.

"Selain itu, ia juga termasuk membayar kos pembiayaan berhubung projek (termasuk yuran dan perbelanjaan ditanggung bagi penerbitan Sukuk Murabahah," katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Sukuk Murabahah tidak akan memberi sebarang kesan ke atas modal terbitan dan saham berbayar TNB serta pegangan saham oleh pemegang saham utama di TNB.

CIMB Investment Bank Bhd., dan HSBC Amanah Malaysia Bhd., dilantik sebagai Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama dan Pengurus Utama Bersama.

Maybank Investment Bank Bhd., manakala dilantik sebagai Pengurus Utama Bersama bagi Sukuk Murabahah.

TNB memperoleh 70 peratus kepentingan Jimah East daripada 1Malaysia Development Bhd., bernilai RM46.98 juta. Projek loji janakuasa itu akan mempertingkatkan kapasiti janakuasa TNB dan memberi impak positif kepada pendapatan TNB serta menambah nilai jangka panjang untuk pemegang saham TNB.